



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# HUBUNGAN DINAMIK ANTARA PEMBOLEH UBAH INTERAKSI DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI DI MALAYSIA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## NORAZRIN AMIRAH BINTI SULAIMAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ipsi

## HUBUNGAN DINAMIK ANTARA PEMBOLEH UBAH INTERAKSI DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI DI MALAYSIA

NORAZRIN AMIRAH BINTI SULAIMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA EKONOMI (EKONOMI PEMBANGUNAN)  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah


## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ..... (hari bulan) ..... (bulan) 20.....

### i. Perakuan pelajar :

Saya, NORAZRIN AMIRAH BINTI SULAIMAN, No. Matrik: M20171000357, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk HUBUNGAN DINAMIK ANTARA PEMBOLEH UBAH INTERAKSI DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI DI MALAYSIA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

---

Tandatangan pelajar

### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. NORIMAH BINTI RAMBELI @ RAMLI dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGAN DINAMIK ANTARA PEMBOLEH UBAH INTERAKSI DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI DI MALAYSIA dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh SARJANA EKONOMI (EKONOMI PEMBANGUNAN).

---

---

Tarikh :

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

HUBUNGAN DINAMIK ANTARA PEMBOLEH UBAH  
INTERAKSI DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA  
TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI DI MALAYSIA

No. Matrik / Matric's No.:

M20171000357

Saya / I :

NORAZRIN AMIRAH BINTI SULAIMAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.  
*The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.*
5. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /  
*Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. /  
*Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: \_\_\_\_\_

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkusa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*





## PENGHARGAAN

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang*

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dan pujian dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, saya telah berjaya menyempurnakan kajian ini bagi melengkapkan pengajian peringkat Sarjana Ekonomi (Ekonomi Pembangunan) saya.

Pertama sekali, terima kasih buat keluarga yang tersayang iaitu arwah abah Sulaiman bin Bulat, emak Maznah binti Junoh dan adik-beradik saya yang banyak memberi dorongan dan semangat kepada saya untuk melakukan yang terbaik dalam kajian yang dijalankan. Mereka yang sentiasa berada di samping saya, menjadikan saya lebih tabah mengharungi cabaran yang ditempuhi sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Seterusnya, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan ikhlas kepada pensyarah penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Norimah Rambeli @ Ramli kerana telah banyak memberi tunjuk ajar, panduan dan bimbingan dalam menjalankan kajian ini. Terima kasih juga di atas keprihatinan, kritikan yang membina dan sumbangan idea beliau dalam membantu saya untuk menyelesaikan kajian ini. Segala pengorbanan yang beliau curahkan kepada saya amatlah saya hargai.



Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang tempoh saya melaksanakan kajian ini. Segala kerjasama dan tunjuk ajar kalian tidak mungkin akan saya lupakan. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v

## ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan hubungan dinamik antara pemboleh ubah interaksi dan perdagangan antarabangsa dalam dua model yang berbeza (Model Eksport dan Model Import) terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia dalam jangka masa panjang dan jangka masa pendek. Bagi mengesahkan kewujudan hubungan jangka panjang dan jangka pendek antara pemboleh ubah endogenous dan eksogenous, kajian ini telah mengaplikasikan kaedah Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa perdagangan antarabangsa memberi impak yang positif terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Dapatkan kajian juga menunjukkan wujud hubungan jangka pendek antara pemboleh ubah interaksi eksport (Model Eksport) dan interaksi import (Model Import) terhadap pertumbuhan ekonomi. Selain itu, pemboleh ubah ralat juga menunjukkan nilai yang signifikan dalam jangka panjang bagi Model Eksport ( $\beta_{ECTX} = -5.3741$ ) dan Model Import ( $\beta_{ECTM} = -0.0001$ ). Kesimpulannya, dapatkan kajian menunjukkan bahawa wujud hubungan dua hala antara pemboleh ubah interaksi dengan pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang dan jangka masa pendek. Implikasi kajian menunjukkan bahawa perdagangan antarabangsa merupakan pemboleh ubah pemacu terhadap pertumbuhan ekonomi. Justeru itu, pengaruh interaksi antara perdagangan antarabangsa dengan kadar pertukaran asing perlu diambil kira secara serentak dalam penggubalan dasar bagi memperkuatkan daya saing perdagangan di peringkat antarabangsa dan sekaligus menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat di masa akan datang.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## DYNAMIC RELATIONS BETWEEN INTERACTION VARIABLES AND INTERNATIONAL TRADE ON ECONOMIC GROWTH IN MALAYSIA

### ABSTRACT

The main purpose of this study is to determine the dynamic relationship between the interaction variables and international trade in two different models (Export Model and Import Model) on the economic growth in Malaysia in the long term and short term. In order to examine the existence of long term and short term relationships between endogenous and exogenous variables, this study applied the Vector Error Correction Model (VECM) method. The findings show that the international trade has a positive impact on the economic growth. The findings also show a short term relationship between export interaction variables (Export Model) and import interaction variables (Import Model) on economic growth. In addition, the error correction term also show significant value for the Export Model ( $\beta_{ECTX} = -5.3741$ ) and the Import Model ( $\beta_{ECTM} = -0.0001$ ) in long term. In conclusion, the findings show that there is a bilateral relationship between interaction variables and economic growth in the long term and short term. The research implications show that international trade is a catalyst of economic growth. Hence, the influence of interaction between international trade and exchange rates should be taken simultaneously in policy formulation to strengthen trade competitiveness internationally and at the same time encourage greater economic growth in the future.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI SIMBOL</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvi</b>



## BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	10
1.8 Kepentingan Kajian	13





1.9 Limitasi Kajian	14
1.10 Definisi Operasional	15
1.10.1 Pertumbuhan Ekonomi	15
1.10.2 Eksport	16
1.10.3 Import	17
1.10.4 Kadar Pertukaran Asing	18
1.10.5 Pemboleh Ubah Interaksi	19
1.11 Organisasi Kajian	20
1.12 Rumusan	21

## BAB 2 KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan	22
2.2 Teori Keynes	23
2.3 Tinjauan Kajian Lepas	24
2.3.1 Hubungan Eksport dengan Pertumbuhan Ekonomi	24
2.3.2 Hubungan Import dengan Pertumbuhan Ekonomi	29
2.3.3 Hubungan Kadar Pertukaran Asing dengan Pertumbuhan Ekonomi	32
2.4 Krisis Kewangan Asia	36
2.5 Pemboleh Ubah Interaksi	38
2.6 Rumusan	40

## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	41
----------------	----





3.2	Spesifikasi Model dan Pengukuran	42
3.3	Kaedah Penganggaran	45
3.4	Analisis Siri Masa	46
3.4.1	Ujian Kepegunaan ( <i>Unit Root Test</i> )	46
3.4.2	Model Kointegrasi Johansen Juselius	51
3.4.3	Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM)	54
3.4.4	Model Fungsi Tindak Balas (IRF)	58
3.4.5	Model Penguraian Varians	59
3.5	Pemeriksaan Diagnostik	60
3.5.1	Ujian Kestabilan	60
3.5.2	Ujian Kenormalan	61
3.5.3	Ujian Autokorelasi	62
3.5.4	Ujian Heterokedastisiti	63
3.6	Sumber Data	64
3.7	Rumusan	65

#### BAB 4 ANALISIS KEPUTUSAN

4.1	Pengenalan	66
4.2	Keputusan Ujian Kepegunaan	67
4.3	Keputusan Ujian Kointegrasi Johansen	70
4.4	Ujian Hubungan Bersebab Granger Dalam Kerangka Vektor Pembetulan Ralat Jangka Panjang (VECM)	74
4.5	Fungsi Tindak Balas (IRF)	82
4.6	Keputusan Penguraian Varians (VD)	83
4.7	Pengujian Diagnostik Model-Model VECM	92





4.7.1 Ujian Kestabilan	93
4.7.2 Ujian Kenormalan	93
4.7.3 Ujian Autokorelasi	94
4.7.4 Ujian Heterokedastisiti	95
4.8 Rumusan	95

## **BAB 5 KESIMPULAN KAJIAN DAN IMPLIKASI DASAR MAKROEKONOMI**

5.1 Pengenalan	97
5.2 Kesimpulan Keseluruhan Kajian	98
5.3 Implikasi Dasar	102
5.4 Rumusan	105



## **RUJUKAN**

106

## **LAMPIRAN**





## **SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>		<b>Muka surat</b>
4.1	Keputusan Ujian Punca Unit pada tahap aras	68
4.2	Keputusan Ujian Punca Unit pada tahap pembezaan pertama	69
4.3	Ujian kointegrasi Johansen dan Juselius Model Eksport	71
4.4	Ujian kointegrasi Johansen dan Juselius Model Import	73
4.5	Ringkasan Hasil Ujian Hubungan Bersebab Granger – VECM Model Eksport	78
4.6	Ringkasan Hasil Ujian Hubungan Bersebab Granger – VECM Model Import	81
4.7	Keputusan Ujian Penguraian Varians KDNK	84
4.8	Keputusan Ujian Penguraian Varians X	85
4.9	Keputusan Ujian Penguraian Varians REER	86
4.10	Keputusan Ujian Penguraian Varians X_REER	87
4.11	Keputusan Ujian Penguraian Varians DUM	87
4.12	Keputusan Ujian Penguraian Varians KDNK	88
4.13	Keputusan Ujian Penguraian Varians M	89
4.14	Keputusan Ujian Penguraian Varians REER	90
4.15	Keputusan Ujian Penguraian Varians M_REER	90
4.16	Keputusan Ujian Penguraian Varians DUM	91





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xii

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia (1970-2017)	6
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	12



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiii

## SENARAI SIMBOL

$\Delta$  Pembezaan

$\alpha$  Alfa

$\beta$  Beta

$\gamma$  Gamma

$\delta$  Delta

$\varepsilon$  Epsilon

$\theta$  Teta

$\lambda$  Lamda

$\mu$  Mu



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Sigma



ptbupsi

$\tau$  Tau

$\Sigma$  Sigma

$\nu$  Nu

$\phi$  Phi

$\omega$  Omega

$\zeta$  Xi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN

ADF	<i>Augmented Dickey Fuller</i>
AIC	<i>Akaike Information Criterion</i>
ARCH	<i>Autoregressive Conditional Heteroscedasticity</i>
ARDL	<i>Bootstrap Autoregressive Distributed Lag</i>
BNM	Bank Negara Malaysia
BSKL	Bursa Saham Kuala Lumpur
CUSUM	<i>Cumulative Sum of the Recursive Residuals</i>
CVAR	<i>Cointegrated VAR</i>
DOLS	<i>Dynamic Ordinary Least Squares</i>
DUM	<i>Dummy</i>
ECT	Terma Pembetulan Ralat
EU	<i>European Union</i>
FMOLS	<i>Fully Modified OLS</i>
GLE	<i>Growth Led Export</i>
GMM	<i>Generalized Method of Moments</i>
ILG	<i>Import Led Growth</i>
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
IRF	Fungsi Tindak Balas
JB	<i>Jarque-Bera</i>
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KKDT	Kaedah Kuasa Dua Terkecil





KNK	Keluaran Negara Kasar
M	Import
M <sub>REER</sub>	Interaksi import dan kadar pertukaran asing
MAS	<i>Malaysian Airline System</i>
MISC	<i>Malaysian International Shipping Corporation Berhad</i>
OLS	<i>Ordinary Least Square</i>
OPR	Kadar Dasar Semalaman
PLA	Pelaburan Langsung Asing
PP	<i>Phillips Perron</i>
R&D	<i>Research and Development</i>
REER	Kadar pertukaran asing
RMB	<b>Renminbi</b>
SBC	<i>Schwarz Bayesian Criterion</i>
VAR	<i>Vector Autoregressive</i>
VDs	Penguraian Varians
VECM	Model vektor pembetulan ralat
VECM	<i>Vector Error Correction Model</i>
VMA	Vektor Purata Bergerak
X	Eksport
X <sub>REER</sub>	Interaksi eksport dan kadar pertukaran asing





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

## SENARAI LAMPIRAN

- A      Analisis Fungsi Tindak Balas Model Ekspor
- B      Analisis Fungsi Tindak Balas Model Import
- C      Ujian Kestabilan Model Ekspor
- D      Ujian Kestabilan Model Import



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENDAHULUAN



05-4506832

**1.1 Pengenalan**

pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Malaysia merupakan salah sebuah negara ASEAN yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat bermula dalam tahun 1980an berikutan tindakan kerajaan membangunkan sektor perindustrian dan mengamalkan Dasar Pandang Ke Timur menerusi kerjasama dan gandingan ekonomi dengan negara Asia termaju iaitu Jepun. Seterusnya, usaha kerajaan meliberalisasikan sektor domestik bagi menarik kemasukan pelaburan asing pula dilihat telah merancakkan lagi pertumbuhan output dalam tahun 1990an.

Bagi membincangkan kajian ini secara lebih lanjut, bab ini dibahagikan kepada 12 sub-topik utama. Sub-topik kedua membincangkan tentang latar belakang kajian diikuti dengan permasalahan kajian dalam sub-topik berikutnya. Sub-topik keempat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



dan kelima masing-masing membincangkan objektif dan persoalan kajian manakala hipotesis kajian disusuli dalam sub-topik berikutnya. Kerangka konseptual kajian dibincangkan di bahagian tujuh manakala sub-topik lapan fokus kepada kepentingan kajian. Sub-topik sembilan dan sepuluh memfokuskan limitasi kajian dan definisi operasional serta diikuti dengan sub-topik sebelas iaitu organisasi kajian. Rumusan dibincangkan di sub-topik akhir, sub-topik dua belas.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Berpandukan kepada teori makroekonomi, pencapaian pertumbuhan ekonomi yang baik merupakan salah satu aspek penting dalam pembangunan negara. Pencapaian pertumbuhan ekonomi yang baik berlaku apabila terdapat peningkatan dalam pendapatan per kapita benar dari tahun ke tahun (Jespersen, 2005).

Bagi tempoh lima tahun sebelum tahun 1996, pertumbuhan ekonomi Malaysia menunjukkan purata pertumbuhan sebenar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah sebanyak 9.5 peratus setahun dengan kadar inflasi yang rendah iaitu 3.5 peratus dan kadar pengangguran yang hanya lingkungan 2.5 peratus pada tahun 1996 (World Bank, 2018). Oleh kerana itu, Malaysia diiktiraf sebagai antara negara yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat sebelum berlakunya krisis kewangan Asia pada Julai 1997. Pencapaian ini adalah setaraf dengan ekonomi negara maju di Asia Timur seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong (Ishak & Nor Aini, 2009).





Namun demikian, Krisis Kewangan Asia pada Julai 1997 telah memberi satu impak yang besar kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia sehingga mencapai tahap negatif pada tahun berikutnya. Krisis kewangan yang melanda ini bukan sahaja memberi kesan yang besar kepada Malaysia dan negara-negara Asia yang lain bahkan juga memberi kesan kepada pemboleh ubah makroekonomi yang lain seperti pelaburan, perkhidmatan dan perdagangan antara negara. Hal ini kerana, ekonomi negara-negara dunia yang lain mempunyai hubungan langsung yang rapat dengan ekonomi negara-negara Asia.

Ekonomi Malaysia kembali pulih pada tahun berikutnya dengan nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat daripada 6.1 peratus pada tahun 1999 kepada 8.9 peratus pada tahun 2000 setelah Bank Negara Malaysia (BNM) memperkenalkan

pendekatan polisi fiskal dan monetari yang fleksibel. Polisi fiskal mengembang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menangani krisis kewangan. Polisi ini tertumpu kepada dua mekanisme iaitu melibatkan pertambahan perbelanjaan kerajaan untuk sektor-sektor tertentu dan pengurangan cukai. Seterusnya, melalui polisi kewangan pula kerajaan telah menetapkan kadar pertukaran Ringgit kepada satu dollar Amerika Syarikat (USD) sebanyak RM3.80 per dollar (Bank Negara Malaysia, 1998).

Pada tahun 2009, ekonomi Malaysia mengalami penurunan sebanyak 2.5 peratus kesan daripada Krisis Kewangan Global yang berlaku pada tahun 2008. Akan tetapi pada tahun 2010, nilai KDNK kembali meningkat kesan daripada pelaksanaan dasar fiskal mengembang melalui peningkatan perbelanjaan kerajaan khususnya perbelanjaan mengurus dan pembangunan selari dengan peruntukan Bajet 2010 serta polisi kewangan melalui penyelarasan Kadar Dasar Semalam (OPR) bagi





mengelakkan ketidakseimbangan kewangan, risiko tidak setimpal, menghalang proses penghantaran kewangan daripada terjejas dan boleh menggugat kemampuan pertumbuhan jangka panjang (Wijaya, Noorasiah & Liew, 2011).

Ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan pada tahun 2015 meskipun persekitaran ekonomi adalah mencabar dengan mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 5 peratus berbanding 6 peratus pada tahun 2014. Pertumbuhan ini didorong oleh pertumbuhan berterusan dalam permintaan dalam negeri yang dipacu oleh sektor swasta dan peningkatan permintaan luar yang sederhana pada separuh kedua tahun 2015. Pada tahun 2016, ekonomi Malaysia terus berkembang, tetapi pada kadar yang lebih sederhana iaitu sebanyak 4.2 peratus (Bank Negara Malaysia, 2016).



pembangunan masa depan sesebuah negara. Hal ini kerana pertumbuhan dan pembangunan adalah dua konsep yang saling berkaitan antara satu sama lain. Sesebuah negara boleh bertumbuh tanpa pembangunan tetapi untuk membangun sesebuah negara itu memerlukan pertumbuhan. Berdasarkan sumber daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (2017) melaporkan kedudukan Malaysia dalam perdagangan barang dunia pada tahun 2017 adalah sebagai pengeksport ke-25 terbesar, pengimport ke-26 terbesar dan negara perdagangan ke-25 terbesar. Kedudukan ini jelas membuktikan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang aktif dan mempunyai kebergantungan yang kuat terhadap perdagangan antarabangsa.





Pertumbuhan ekonomi boleh menyebabkan pertumbuhan eksport kerana ia membawa kepada peningkatan kemahiran dan teknologi malah ia juga dapat merealisasikan ekonomi skala (Lancaster, 1980; Krugman 1984; Helpman & Krugman, 1985). Di samping itu bagi menjana pendapatan dalam negara, peranan perdagangan antarabangsa adalah penting untuk memasarkan barang dan perkhidmatan keluaran negara. Jumlah dagangan bagi tahun 2017 berkembang sebanyak 19.4 peratus mencecah RM1.77 trilion dengan jumlah eksport mencatat rekod tertinggi sebanyak RM935.39 bilion, bertambah 18.9 peratus berbanding 2016. Import turut mencatat peningkatan sebanyak 19.9 peratus kepada RM838.14 bilion. Pertumbuhan eksport didorong oleh barang pembuatan yang mencatat kenaikan sebanyak 18.9 peratus kepada RM767.64 bilion atau 82.1 peratus daripada keseluruhan jumlah eksport (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017).




Justeru, peranan pertumbuhan dan pembangunan dalam sektor perdagangan antarabangsa adalah penting. Hal ini kerana, penglibatan sesebuah negara dalam kegiatan perdagangan antarabangsa secara aktif akan memperoleh faedah daripada pengkhususan dan perdagangan dari segi pengeluaran dan tahap penggunaan yang lebih tinggi. Malahan, aktiviti perdagangan antarabangsa yang pesat juga merupakan salah satu matlamat utama dalam makroekonomi.



### 1.3 Pernyataan Masalah

Rajah 1.1 menunjukkan tren peningkatan KDNK Malaysia bagi tempoh 1970 hingga 2017. Pada tahun 1998, ekonomi Malaysia mengalami gangguan akibat Krisis Kewangan Asia. Ini telah menyebabkan berlaku penurunan KDNK sebanyak 7.4 peratus. Ekonomi Malaysia semakin pesat pada tahun berikutnya setelah Bank Negara Malaysia (BNM) memperkenalkan pendekatan polisi fiskal dan kewangan yang fleksibel (World Bank, 2018).



Rajah 1.1. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia (1970-2017). Sumber: World Bank (2018)

Berdasarkan kajian-kajian lepas, pertumbuhan ekonomi negara dipacu oleh pelbagai faktor, antaranya ialah pelaburan, eksport, import, perkhidmatan, kewangan, perbelanjaan kerajaan, dan inflasi. Namun demikian, hanya beberapa faktor sahaja yang memacu kepada pertumbuhan ekonomi, dalam erti kata lain yang mempunyai hubungan positif dengan pertumbuhan ekonomi iaitu eksport (Goh, Sam & McNow, 2018).



2017; Sunde, 2017; Ee, 2016), import (Jawaid, 2014; Mazumdar, 2001), pelaburan (Anwar & Nguyen, 2010; Antwi et al. 2013; Omri, Nguyen & Rault, 2014), perkhidmatan (Seetanah, 2011; Salmani, Panahi & Razzaghi, 2014), dan kewangan (Goldsmith, 1969; Beck & Levine, 2004; Beck, Levine & Loayza, 2000). Dalam kajian ini, faktor eksport dan import diambil kira kerana kedua-dua faktor tersebut mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pertumbuhan ekonomi negara di mana pendapatan eksport dan perbelanjaan import merupakan bahagian daripada Keluaran Negara Kasar (KNK). Ini menunjukkan pertumbuhan ekonomi Malaysia bergantung kepada perdagangan antarabangsa iaitu eksport dan import.

Secara umumnya, kajian-kajian terdahulu hanya mengkaji kesan langsung antara perdagangan antarabangsa ke atas pertumbuhan ekonomi. Walaubagaimanapun, kesan tidak langsung kurang diberi perhatian oleh pengkaji terdahulu. Prestasi perdagangan ditentukan oleh banyak faktor. Sebagai contohnya, interaksi antara perdagangan antarabangsa dengan kadar pertukaran asing. Dalam kajian ekonomi antarabangsa, sekiranya sesebuah negara bergantung kepada perdagangan antarabangsa iaitu eksport dan import sebagai hasil negara maka ia terdedah kepada pengaruh luar, misalnya turun naik kadar pertukaran asing.

Berdasarkan Pan, Fok dan Liu (2007) dan Ooi et al. (2009) menyatakan bahawa Krisis Kewangan Asia yang berlaku telah memberikan impak yang besar ke atas kadar pertukaran asing di Malaysia dengan kejatuhan nilai ringgit Malaysia sebanyak 51.6 peratus. Ini bererti kadar pertukaran asing sensitif terhadap sebarang situasi global. Sedangkan pada masa yang sama, perdagangan antarabangsa mempunyai kebergantungan yang kuat terhadap kadar pertukaran asing. Oleh itu, kajian yang





mengkaji pengaruh interaksi antara perdagangan antarabangsa dengan kadar pertukaran asing secara serentak ke atas pertumbuhan ekonomi di Malaysia adalah penting.

Menurut Ummi dan Tamat (2012) kadar pertukaran asing yang stabil dapat memastikan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang stabil. Tambahan pula, kadar pertukaran asing yang stabil penting bagi negara-negara membangun kerana ia memberi kesan kepada kemasukan pelaburan langsung asing ke negara-negara, terutamanya melalui perdagangan antarabangsa.

Justeru itu, kajian ini memasukkan pemboleh ubah interaksi antara pemboleh ubah eksport dan import dengan kadar pertukaran asing. Kajian yang melibatkan pembentukan pemboleh ubah interaksi telah banyak dilakukan oleh pengkaji terdahulu

seperti Norimah et al. (2017), Antonakakis, Dragouni dan Filis (2015), Moradbeigi dan

Law (2017), Ductor dan Grechyna (2015), dan Choong et al. (2010). Namun demikian, pemboleh ubah interaksi yang diperkenalkan adalah berbeza dengan kajian-kajian terdahulu, dalam kajian ini tujuan pemboleh ubah interaksi dimasukkan adalah untuk mengkaji hubungan dinamik antara pemboleh ubah interaksi dan perdagangan antarabangsa dalam jangka masa panjang dan jangka masa pendek ke atas pertumbuhan ekonomi di Malaysia.





## 1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan dinamik antara pemboleh ubah interaksi dan perdagangan antarabangsa dalam jangka masa panjang dan jangka masa pendek terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Manakala, tujuan khusus kajian ini dijalankan adalah seperti berikut:

- I. Untuk menguji hubungan jangka panjang antara keluaran dalam negara kasar (KDNK), eksport (X), import (M), kadar pertukaran asing (REER), interaksi eksport dan kadar pertukaran asing (X\_REER) dan interaksi import dan kadar pertukaran asing (M\_REER).
- II. Untuk mengesan kewujudan hubungan jangka pendek antara pemboleh ubah-pemboleh ubah eksogenous melalui ujian hubungan penyebab Granger dalam kerangka model vektor pembetulan ralat (VECM).
- III. Untuk melihat pemboleh ubah yang menanggung beban jangka panjang dalam sistem persamaan pemboleh ubah endogenous dan eksogenous.



## 1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- I. Adakah wujud hubungan jangka panjang antara keluaran dalam negara kasar (KDNK), eksport (X), import (M), kadar pertukaran asing (REER), interaksi eksport dan kadar pertukaran asing (X\_REER) dan interaksi import dan kadar pertukaran asing (M\_REER)?



- II. Adakah wujud hubungan jangka pendek antara pemboleh ubah-pemboleh ubah eksogenous melalui ujian hubungan penyebab Granger dalam kerangka model vektor pembetulan ralat (VECM)?
- III. Pemboleh ubah yang manakah yang menanggung beban jangka panjang dalam sistem persamaan pemboleh ubah endogenous dan eksogenous?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Berpandukan kepada objektif kajian umum dan khusus serta permasalahan kajian maka hipotesis kajian adalah seperti berikut:

Hipotesis 1 Wujud hubungan jangka panjang dalam sistem persamaan pemboleh ubah endogenous dan eksogenous.

Hipotesis 2 Wujud hubungan jangka pendek dalam sistem persamaan pemboleh ubah endogenous dan eksogenous.

Hipotesis 3 Wujud sekurang-kurangnya satu pemboleh ubah yang menanggung beban dalam sistem persamaan jangka panjang.

## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini terdiri daripada pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini adalah pertumbuhan ekonomi yang diukur melalui Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita. Seterusnya, pemboleh ubah tidak bersandar dibahagikan kepada dua model



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

11

yang berbeza iaitu Model Eksport dan Model Import. Bagi Model Eksport terdiri daripada eksport (X) manakala bagi Model Import terdiri daripada import (M). Pemboleh ubah tidak bersandar kadar pertukaran asing pula merupakan pemboleh ubah interaksi antara eksport dan import.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832




pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian



## 1.8 Kepentingan Kajian

Fokus utama kajian adalah untuk mengkaji hubungan dinamik antara pemboleh ubah interaksi dan perdagangan antarabangsa dalam jangka masa panjang dan jangka masa pendek ke atas pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Kajian ini penting kerana ia dapat dijadikan sebagai asas kepada beberapa pihak yang berkenaan dalam proses menentukan dan melaksanakan dasar ekonomi yang dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

Memandangkan negara Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai kebergantungan dengan perdagangan antarabangsa iaitu eksport dan import maka pihak kerajaan perlu memandang serius terhadap sebarang pemboleh ubah yang mempunyai perkaitan dengan perdagangan antarabangsa contohnya kadar pertukaran asing. Ini kerana kadar pertukaran asing merupakan pemboleh ubah yang sangat terdedah kepada kejutan terutamanya kejutan-kejutan kewangan.

Oleh hal yang demikian, kajian ini akan melihat interaksi dua pemboleh ubah yang menyokong pertumbuhan ekonomi iaitu eksport dan import dengan satu pemboleh ubah yang boleh menjaskannya pertumbuhan ekonomi iaitu kadar pertukaran asing secara serentak ke atas pertumbuhan ekonomi samaada kesan interaksi tersebut dapat membantu menjana pertumbuhan ekonomi mahupun tidak. Hal ini kerana, peningkatan dalam pertumbuhan dapat memacu pembangunan negara yang lebih mampan dan berdaya saing pada masa akan datang.





## 1.9 Limitasi Kajian

Terdapat dua limitasi utama yang dihadapi sepanjang menjalankan kajian ini. Pertama, kajian ini hanya mengambil kira dua faktor pemacu pertumbuhan ekonomi sahaja iaitu perdagangan antarabangsa yang terdiri daripada eksport dan import. Kebanyakan ahli ekonomi percaya bahawa pembukaan perdagangan antarabangsa menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan kemajuan teknologi yang lebih pantas dan sumber peralihan dari sektor rendah kepada produktiviti tinggi. Menurut Dollar dan Kraay (2000) ekonomi yang terbuka kepada perdagangan dan aliran modal dapat meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi. Tambahan pula, bagi negara membangun seperti Malaysia yang ekonominya terdedah kepada perdagangan luar, kestabilan dan kekuatan imbalan pembayaran memainkan peranan yang penting bagi pertumbuhan ekonomi negara.



Kedua, kajian ini menggunakan data berfrekuensi tinggi iaitu data bulanan bagi tempoh 39 tahun bermula Januari 1979 hingga Disember 2017. Dalam tempoh tersebut telah berlaku beberapa krisis seperti Krisis Kewangan Asia (Julai 1997 hingga September 1998) dan Krisis Kewangan Global (2007 hingga 2008). Namun, kajian ini hanya mengambil kira Krisis Kewangan Asia sahaja. Oleh kerana kajian ini juga melibatkan boleh ubah kadar pertukaran asing maka adalah relevan Krisis Kewangan Asia diambil kira supaya dapat melihat kesan Krisis Kewangan Asia ke atas pertumbuhan ekonomi.





Tambahan pula, berdasarkan kajian terdahulu seperti Pan, Fok dan Liu (2007) dan Ooi et al. (2009) menyatakan bahawa Krisis Kewangan Asia yang berlaku telah memberikan impak yang besar ke atas kadar pertukaran asing di Malaysia dengan kejatuhan nilai ringgit Malaysia sebanyak 51.6 peratus. Perubahan kadar pertukaran asing memberi kesan langsung kepada perdagangan antarabangsa iaitu eksport dan import. Secara umumnya, kejatuhan nilai mata wang sesebuah negara akan merangsang eksport menyebabkan import menjadi mahal sekaligus mengurangkan defisit perdagangan negara bagi tempoh tertentu.

## 1.10 Definisi Operasional



### 1.10.1 Pertumbuhan Ekonomi



Pertumbuhan ekonomi diukur menerusi peningkatan output benar ataupun pendapatan per kapita dalam ekonomi. Pakar ekonomi menjadikan KNK atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar sebagai asas untuk menentukan sama ada sesebuah ekonomi tersebut berkembang ataupun sebaliknya. KNK benar atau KDNK benar sesebuah ekonomi pada sesuatu tahun akan dibandingkan dengan KNK atau KDNK benar tahun sebelumnya untuk mendapatkan kadar pertumbuhan ekonomi tahunan (Jomo & Ishak, 2003; Dorbush & Fischer, 1994). KDNK ialah jumlah nilai pasaran bagi barang dan perkhidmatan yang dihasilkan atau dikeluarkan oleh faktor-faktor pengeluaran yang dimiliki oleh rakyat sesebuah negara tersebut bagi satu tempoh tertentu, kebiasaannya ialah satu tahun (Hamzaid, 2006). Oleh itu, dalam kajian ini,





pertumbuhan ekonomi diukur melalui Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita benar.

### 1.10.2 Eksport

Dalam kajian ini, eksport diukur melalui eksport barang dan perkhidmatan benar. Eksport merupakan kegiatan menjual barang atau perkhidmatan kepada negara lain (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018). Komposisi eksport barang Malaysia terdiri daripada barang pertanian, barang galian dan barang perkilangan. Barang pertanian yang dieksport terdiri daripada getah, kelapa sawit, koko, kayu balak dan nenas. Barang galian yang dieksport ialah petroleum, bijih timah dan gas asli cecair. Barang perkilangan yang dieksport pula terdiri daripada barang elektrik dan elektronik, tekstil dan kelengkapan pengangkutan (Md. Zahir, Redzuan & Sabariah, 2003).

Seterusnya, komposisi eksport perkhidmatan Malaysia terdiri daripada perkhidmatan tambang dan insurans, pengangkutan, perjalanan, pendapatan pelaburan dan urus niaga kerajaan. Malaysia mengeksport perkhidmatan pengangkutan dan tambang dan insurans apabila rakyat asing menghantar barang dengan menggunakan kapal terbang dan kapal laut milik Malaysia seperti *Malaysian Airline System* (MAS) dan *Malaysian International Shipping Corporation Berhad* (MISC). Malaysia mengeksport perkhidmatan perjalanan jika pelancong asing melancong dan berbelanja di Malaysia. Malaysia menerima pendapatan pelaburan dalam bentuk dividen dan faedah. Pelabur Malaysia akan menerima dividen daripada pelaburannya di luar negeri dan menerima faedah apabila ia menyimpan wang di bank luar negeri. Kerajaan juga





mengeksport perkhidmatan urus niaga kerajaan apabila rakyat asing menggunakan kemudahan kerajaan Malaysia, misalnya kedutaan asing di Malaysia menggunakan perkhidmatan di Malaysia (Md. Zahir et al., 2003).

### 1.10.3 Import

Import adalah pembelian barang-barang dan perkhidmatan dari negara lain. Import merupakan satu bocoran kerana wang akan dibayar kepada pengeluar di negara lain (Jomo & Ishak, 2003). Import dan pendapatan negara adalah saling berkait kerana permintaan ke atas barang import adalah dipengaruhi oleh tingkat pendapatan negara ekonomi berkenaan. Kebiasaannya, apabila pendapatan negara meningkat, jumlah import akan turut meningkat dan sebaliknya apabila pendapatan negara merosot, jumlah import juga akan berkurangan.

Komposisi import barang Malaysia terdiri daripada barang pengguna, barang pelaburan dan barang perantaraan. Import barang pengguna terdiri daripada barang akhir yang boleh digunakan oleh pengguna. Ini termasuk makanan, minuman dan barang tahan lama seperti kereta, televisyen, kamera, jam tangan dan komputer. Import barang pelaburan meliputi barang modal yang digunakan dalam proses pengeluaran. Contoh barang pelaburan yang diimport oleh Malaysia ialah jentera kilang, kelengkapan pejabat, barang logam dan kelengkapan pengangkutan. Barang modal yang diimport ini boleh meningkatkan keupayaan pengeluaran Malaysia pada masa hadapan. Barang perantaraan pula ialah barang yang akan diproses sebelum dijadikan barang akhir. Barang perantaraan yang diimport termasuk bahan kimia, bahan plastik





dan barang elektrik serta komponen elektronik. Kebanyakan daripada barang ini akan digunakan dalam sektor perkilangan dan pembinaan (Md. Zahir et al., 2003).

Komposisi import perkhidmatan Malaysia terdiri daripada perkhidmatan tambang dan insurans, pengangkutan, perjalanan, pendapatan pelaburan dan urus niaga kerajaan. Malaysia mengimport perkhidmatan pengangkutan dan tambang serta insurans apabila rakyat Malaysia menaiki kapal terbang milik negara asing dan menginsuranskan risiko perkapalan di pasaran Llyod's London. Malaysia mengimport perkhidmatan perjalanan apabila rakyat Malaysia melancong ke luar negeri. Apabila Malaysia menerima pelaburan asing dan membuat pinjaman luar negeri, Malaysia perlu membayar dividen kepada pelabur asing dan membayar faedah kepada pemberi hutang luar negeri. Malaysia juga mengimport perkhidmatan urus niaga kerajaan apabila kerajaan menggunakan kemudahan dan perkhidmatan kerajaan negara asing. Misalnya, kerajaan menggunakan perkhidmatan kedutaan Malaysia di luar negeri dan menghantar pelajar Malaysia ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran (Md. Zahir et al., 2003).

#### 1.10.4 Kadar Pertukaran Asing

Perkataan kadar pertukaran telah diguna pakai secara meluas bagi merujuk kepada kadar pertukaran asing. Oleh itu, apabila perkataan kadar pertukaran dan pasaran pertukaran digunakan, masing-masing merujuk kepada kadar pertukaran asing dan pasaran pertukaran asing (Shahida et al., 2012). Menurut Md. Zahir et al. (2003) kadar pertukaran asing merupakan harga atau nilai mata wang sesebuah negara yang dinyatakan dalam sebutan nilai mata wang negara lain. Misalnya, kadar pertukaran antara Amerika Syarikat (US) dengan Malaysia ialah  $USD\ 1.00 = RM3.80$ . Ini





bermakna USD 1 bersamaan RM3.80. Kadar pertukaran asing dalam kajian ini diukur melalui kadar pertukaran efektif benar (REER). REER adalah purata wajaran kadar pertukaran oleh negara tempatan dan negara asing atau lebih sinonim dengan kadar pertukaran pelbagai hala. REER dikira apabila kadar pertukaran nominal ditambah dengan indeks inflasi luar negara dan ditolak dengan indeks inflasi domestik. REER mengukur purata harga tempatan relatif terhadap purata harga barang rakan dagangannya. Peningkatan dalam kadar pertukaran benar di mana kuasa beli mata wang adalah tinggi digambarkan melalui penurunan nilai benar mata wang tempatan.

### 1.10.5 Pemboleh Ubah Interaksi



atau import dengan pemboleh ubah kadar pertukaran asing didarabkan secara serentak untuk mewujudkan pemboleh ubah interaksi maka ia akan mewujudkan masalah multikolineariti sempurna dalam model yang dianggarkan kerana terdapat pemboleh ubah yang saling berkaitan dan berhubung antara satu sama lain. Oleh yang demikian, bagi mengelakkan masalah multikolineariti wujud dalam model penganggaran maka data bagi pemboleh ubah interaksi perlu diganti dengan nilai reja.





## 1.11 Organisasi Kajian

Keseluruhan kajian ini dibahagikan kepada lima bab utama. Bab Satu berkaitan dengan pendahuluan yang meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian diikuti dengan kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian dan definisi operasional.

Bab Dua pula menjurus kepada perbincangan sorotan atau kajian-kajian lepas berkaitan faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi sesebuah negara dan hubungan antara faktor tersebut dengan pertumbuhan ekonomi serta kesannya terhadap ekonomi sesebuah negara. Turut disertakan dalam bab ini adalah kaedah kajian yang digunakan dari kajian-kajian sebelum ini.



Bab Tiga memfokuskan kepada metodologi seperti kaedah penyelidikan, pengumpulan data, pembentukan model penganggaran dan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang digunakan (bersandar dan tidak bersandar). Kajian ini menggunakan data bulanan dari Januari 1979 hingga Disember 2017. Tesis ini memberi tumpuan kepada Ujian Unit Punca, Ujian Kointegrasi, *Vector Error Correction Model (VECM)*, *Fungsi Tindak Balas (IRF)* dan *Penguraian Varians (VD)*.

Bab Empat mempersempahkan dapatan kajian dan menguji sama ada dapatan-dapatan kajian tersebut memenuhi objektif dan persoalan-persoalan kajian yang telah digariskan dalam Bab Satu. Motif utama bab ini adalah untuk mengkaji hubungan dinamik antara pemboleh ubah variasi dalam sistem persamaan yang dibentuk dalam jangka masa panjang dan jangka masa pendek ke atas pertumbuhan ekonomi.





Bab Lima memberi fokus kepada dua aspek utama. Pertama, fokus kepada perbincangan dapatan-dapatan kajian dengan mengaitkan dan membandingkan dapatan-dapatan kajian tersebut sama ada selari atau bertentangan dengan teori atau kajian-kajian lepas. Ini bertujuan melihat sama ada dapatan-dapatan daripada kajian ini konsistensi dengan keputusan kajian-kajian sedia ada. Aspek kedua ialah membincangkan implikasi dan cadangan daripada hasil dapatan kajian ini, untuk itu disertakan juga cadangan berkaitan polisi-polisi yang bersesuaian berkaitan pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

## 1.12 Rumusan

Bab 1 ini membincangkan pengaruh perdagangan antarabangsa iaitu eksport dan import ke atas pertumbuhan ekonomi secara umumnya ia telah mendapat banyak perhatian daripada penyelidik dan dapatan secara keseluruhan mendapat terdapat hubungan positif antara perdagangan antarabangsa dengan pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, kajian tentang pengaruh perdagangan antarabangsa ke atas pertumbuhan ekonomi melalui pembentukan pemboleh ubah interaksi agak terhad dan tiada kajian seumpamanya didapati di negara-negara membangun seperti Malaysia. Dengan perkembangan ekonomi di rantau Asia yang pesat adalah penting untuk memahami gelagat ekonomi di Malaysia. Oleh itu, berdasarkan objektif dan kepentingan kajian yang digariskan, adalah diharap hasil kajian ini dapat memberi manfaat dan panduan bukan sahaja kepada individu sahaja, malah juga kepada organisasi dan kerajaan bagi membantu negara mencapai status negara maju serta berpendapatan tinggi di masa akan datang.

